

# Rakyat tetap bebas bersuara — PM

BH - 7 NOV 1987

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan masih mengamalkan dasar terbuka walaupun 93 orang kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sejak 27 Oktober lalu.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan masih terus dengan sikap liberalnya dan rakyat tidak perlu berasa takut berikutan penahanan itu.

Beliau memberi jaminan bahawa langkah kerajaan akhir-akhir ini tidak menyekat kebebasan rakyat, malah rakyat masih bebas membuat kenyataan, asal sahaja kenyataan itu tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh menggugat perpaduan di negara ini.

Katanya, dalam hal ini kerajaan terpaksa bertindak tegas kerana kadang-kala ada pihak yang melampaui batas kebebasan yang diberikan.

"Apa yang cuba disekat ialah kegiatan mengeluar dan menyebarkan kenyataan berbau perkaurman yang bukan sahaja menyakitkan hati orang lain tetapi menggugat perpaduan di negara ini.

"Sekiranya ada perkara membabitkan isu kaum tertentu yang perlu diselesaikan, ia hendaklah dilakukan mengikut saluran wajar tanpa perlu membuat kenyataan umum," katanya ke-

pada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat hari ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, setiap perkara yang dibangkitkan akan diberi perhatian mendalam oleh kerajaan, tetapi ramai pihak tidak sabar dan memilih untuk membuat kenyataan dalam akhbar dan ini akan menyebabkan pihak lain membuat kenyataan balas yang terus menyebabkan suasana tegang.

Katanya, rakyat patut memikirkan soal yang lebih berfaedah, dan tidak terlalu memikirkan pihak mana yang mendapat lebih sesuatu atau pihak mana pula yang mendapat kurang, kerana ia tidak memberi faedah melainkan menimbulkan perasaan iri hati.

Mengenai pengharaman rapat umum dan perjumpaan lain yang berbentuk politik, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ini akan terus berkuatkuasa sehingga polis puashati yang keadaan membolehkan rapat umum dan perjumpaan diadakan.

Beliau sekali lagi mengulangi bahawa pengharaman itu bukan untuk selamanya, tetapi hanyalah untuk sementara waktu sehingga keadaan dalam negara tenang.